PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
2018

# Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

## HARI SELASA : 3 APRIL 2018

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

# KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

( SOALAN, NO.4, NO.8, NO.14 HINGGA NO.64 )

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

2

SOALAN NO. 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI**
**JAWAPAN LISAN**
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | : | **LISAN** |
| **DARIPADA** | : | **YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** |
| **TARIKH** | : | **3 APRIL 2018 (SELASA)** |

**SOALAN :**

**Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pemandu teksi yang mengguna pakai aplikasi e-hailing berdasarkan kepada Program Trasnformasi Industri Teksi (TITP)

**SOALAN NO. 4**

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Melalui Program Transformasi Industri Teksi (TITP) pemandu teksi digalakkan untuk menggunakan sistem aplikasi *e-hailing* bagi menikmati penggunaan kadar tambang dinamik untuk memanfaatkan teknologi bagi menambahkan pendapatan pemandu, menambahbaik perkhidmatan dan menggalakkan persaingan yang seimbang.

Pada masa kini, berdasarkan anggaran pemandu teksi yang telah berdaftar dengan penyedia aplikasi *e-hailing* seperti UBER (sebelum UBER menjual syer kepada GRAB), GRAB, Ez Cab dan Pick n Go sehingga 2 April 2018 adalah **tiga belas ribu sembilan ratus tiga puluh lima (13 935)** pemandu.

Sekian, terima kasih.